

Kredit atau beban akademik pelajar

1. Kredit adalah jam anggapan (*notional*) yang berasaskan jumlah jam yang diambil oleh pelajar untuk mencapai sesuatu set hasil pembelajaran. Jumlah jam ini termasuk aktiviti terpandu atau kontak/persemukaan (contohnya kuliah, tutorial, pembelajaran berbantu komputer, makmal, kerja lapangan) dan aktiviti pembelajaran persendirian (contohnya pembacaan, tugas, penulisan laporan, penyediaan untuk penilaian dan peperiksaan).
2. Penggunaan definisi kredit berdasarkan hasil pembelajaran dan beban akademik pelajar amat sesuai kerana ia juga diguna oleh negara di Kesatuan Eropah (termasuk UK), New Zealand dan Australia. Penggunaan definisi yang sama akan memudahkan pemindahan kredit dan pengiktirafan kelayakan bersama dalam usaha pengintegrasian. Contoh baik adalah *European Credit Transfer System (ECTS)* yang telah menyaksikan pertukaran lebih satu juta pelajar di antara insitusi EU. Jika konsep *ECTS* diaplikasikan, lebih mudahlah pelajar IPTA bergerak dan ini akan merupakan langkah pertama ke arah mobiliti pelajar ASEAN.
3. Setiap negara menerima definisi kredit tetapi bebas untuk menentukan jumlah jam yang digunakan untuk mengira kredit anggapan. UK dan New Zealand mengguna 10 jam = 1 credit dan pelajar dikehendaki menyempurnakan 360 untuk Sarjanamuda Am dan 480 kredit untuk Sarjanamuda dengan Keputjian (Scotland) . Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) mencadangkan **40 jam = 1 kredit** dan pelajar dikehendaki menyempurnakan **120 kredit untuk Sarjanamuda dengan Keputjian**. Jelas bahawa beban akademik pelajar berjumlah 4800 jam adalah sama bagi Sarjanamuda dengan Keputjian bagi sistem UK dan Malaysia. Jam anggapan 40 dipilih setelah tinjauan program IPTA dan IPTS menunjukkan *notional credit* ini tidak mengakibatkan gangguan besar kepada sistem kredit sedia ada.

5. Selain daripada memudahkan pemindahan kredit dan mobiliti pelajar, penggunaan kredit berasaskan beban akademik pelajar mengukuhkan autonomi IPT untuk merekabentuk program mengikut keperluan tertentu (contohnya sepenuh masa, separuh masa, hujung minggu, kursus malam dll) dan untuk mengguna berbagai kaedah pengajaran-pembelajaran yang lebih berorientasikan pelajar.

GARIS PANDUAN MENGANGGARKAN BEBAN PEMBELAJARAN

6. Jam yang dicadangkan hanyalah sebagai garis panduan dan ia amat bergantung kepada kompleksiti disiplin/mata pelajaran atau aktiviti. Rujukan juga perlu dibuat ke atas keperluan atau syarat disiplin/matapelajaran.
7. Bagi setiap jam kuliah, tambah 1-2 jam waktu belajar sendiri. Mata pelajaran yang lebih kompleks mungkin memerlukan 3 jam atau lebih waktu belajar sendiri.
8. Bagi setiap jam tutorial (biasanya antara 1-2 jam) tambah 1-2 jam untuk masa persediaan.
9. Bagi setiap 3 jam waktu makmal biasanya termasuk masa untuk menulis laporan. Namun bagi disiplin tertentu, biasanya Bioperubatan, Sains kesihatan dan Kejuruteraan 2 jam waktu makmal mungkin memerlukan 2-3 jam untuk menyediakan laporan.
10. Projek tahun akhir pada peringkat kepujian memerlukan kira-kira 240-400 jam untuk tugas(6-10 kredit) dengan 1-2 jam pertemuan per minggu dengan penyeliaan, samada berdasarkan makmal, kerja amali atau kajian literature atau kedua-duanya.

11. Pengiraan kredit untuk latihan industri seharusnya berdasarkan bilangan jam pembelajaran berkesan (effective learning) per hari didarab dengan bilangan hari per minggu dan minggu latihan industri.
12. Bagi kursus studio, tambah 2 jam untuk kerja-kerja sendiri bagi setiap 2 jam kerja studio.
13. Program yang lebih banyak berasaskan “ hands –on” atau kerja amali memerlukan lebih masa untuk membina kemahiran spesifik melalui amalan berulang-ulang. Contohnya program Perubatan, Kejururawatan, Kursus bahasa, Juru bina dan Seni lakon, masa untuk aktiviti seperti lawatan ke ward dan menghadiri pengajaran klinikal, kajian ,tunjukcara dan praktik seharusnya diperuntukkan masa secukupnya dalam pengiraan kredit. Tiada masa tambahan diperlukan untuk pembelajaran sendiri. Harus diingat bahawa kredit untuk kursus-kursus yang tersebut itu pada tahap diploma mungkin melebihi kredit minimum kursus pada tahap sarjana muda (kepujian).
14. Bagi setiap sesi (kira-kira 2 jam) pembelajaran berasaskan masalah (PBL) tambah 2-3 jam untuk pembelajaran arah-kendiri, disusuli dengan 2 jam lagi untuk diskusi kumpulan.
15. Bagi diskusi kumpulan kecil yang biasanya berakhir dalam 1-2 jam, tambah 1 jam untuk masa persediaan.
16. Bagi pembelajaran modul yang masanya ditetapkan(a fixed learning modul-FLM) dalam program perubatan atau e- pembelajaran mungkin memerlukan 3 jam masa pelajar, tetapi ia hendaklah dianggap sebagai waktu belajar sendiri.
17. Bagi setiap 1 jam sesi pembentangan, peruntukkan3-4 jam masa untuk persediaan.

18. Bagi menyiapkan kerja kursus bertulis sebanyak 2000 perkataan, peruntukkan kira-kira 10-12 jam
19. Bagi penulisan kreatif (contoh: novel 100-150 halaman atau skrip 50-70 halaman) peruntukkan kira-kira 8-10 jam per hari sepanjang tempoh satu semester
20. Bagi membuat rumusan kes, peruntukkan 3 jam ke atas setiap kes.

Jadual : Kredit Mengikut Tahap

Tahap	Kredit Minima
PhD	Tidak ditaraf kredit
Sarjana	40
Sarjanamuda (Kepujian)	120
Diploma Lanjutan	40
Diploma	90
Sijil	60
Sijil Kemahiran 1, 2 & 3	Berasaskan Kemahiran

Sumber:

1. Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, Mesyuarat MPTN Kertas Bil /4/2005
2. Prof. Ir. Dr. Zainai b. Mohamad, NC UMK
3. Prof Madya Dr. Wahid Razzaly, Unit Jaminan Kualiti, KUITHHO